



## Berhati-hati sumpah *ila'*

**S** EORANG suami berkata kepada isterinya bahawa dia tidak mahu 'bersama' isterinya. Beberapa hari kemudian mereka 'bersama'. Adakah apa-apa hukum syarak dalam hal ini?

**JAWAPAN:** Apabila si suami bersumpah dengan nama Tuhan bahawa dia tidak mahu 'bersama' menjalinkan hubungan kelamin dengan isterinya, maka hukum *ila'* berlaku. Si suami diberi pilihan untuk menunggu selama empat bulan, sama ada memilih bercerai atau meneruskan perkahwinan.

Si suami juga dikehendaki membayar kaffirah. Antaranya dengan memberi makan 10 fakir miskin. Dalam persoalan yang ditanya, si suami sekadar berkata begitu tanpa bersumpah, maka hukum *ila'* tidak berlaku.

## Korban, utamakan yang *awlawiyyat*

**S** EMPENA Aidiladha ini, masjid kami bakal melaksanakan ibadah korban 35 ekor lembu. Dalam masa sama ada lima surau di bawah penyeliaan masjid kami masing-masing akan menyembelih antara lima sehingga 10 ekor lembu. Apa pandangan ustaz?

**JAWAPAN:** Ibadah korban adalah amalan yang baik dan mulia. Lagi banyak haiwan yang disembelih, maka lebih banyak pahala diperoleh. Walau bagaimanapun, kita juga perlu melihat kepada agihan daging

### Soal jawab agama

Bersama DR. MOHAMMAD NIDZAM ABDUL KADIR AL-JARUMI  
Pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia dan pendakwah bebas. Kemusykilan boleh diajukan ke [nidium@yahoo.com](mailto:nidium@yahoo.com)

korban.

Contohnya keperluan masyarakat sekitar. Jika masyarakat mampu makan ayam dan daging setiap minggu, maka agihan daging menjadi tidak bermakna kepada penerima daging korban.

Jika masjid sudah menyembelih 35 ekor lembu ditambah dengan lima surau

iaitu sekitar 25 ekor lembu, maka jumlah lembu yang akan disembelih adalah 60 ekor. Ke mana agihan daging korban dibuat? Berapa ramai penduduk miskin dalam kawasan tersebut?

Jika begini keadaannya, maka perlu ada perancangan strategik dalam melakukan ibadah korban. Oleh itu, adalah

wajar dan *awlawiyyat* untuk dipindahkan ibadah korban ke tempat lebih memerlukan.

Perlu diakui bahawa sunat pelaku ibadah korban melihat haiwan korban disembelih. Namun, keutamaan dalam Islam bukanlah melihat bilangan haiwan disembelih, tetapi agihan daging korban. Oleh itu, nas al-Quran menetapkan agar daging korban diberikan kepada fakir.

Justeru, saya menyeru kepada masyarakat Muslim untuk melihat isu dengan sebaiknya. Keutamaan adalah agihan daging korban yang sampai kepada golongan fakir.



## Hukum pakai minyak wangi ke Mekah

**A** PAKAH harus bakal jemaah haji memakai minyak wangi ketika bertolak dari tanah air ke Mekah?

minyak wangi selagi belum berniat ihram.

Penggunaan minyak wangi adalah termasuk dalam larangan ihram, bukan larangan ke Mekah.

**JAWAPAN:** Ya, harus pakai